



20 JULAI 2019

KENYATAAN MEDIA
PENCEMARAN BAU DI SUNGAI SELANGOR

Pada 19 Julai 2019, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah menerima aduan mengenai pencemaran bau di Sungai Selangor sehingga menyebabkan henti tugas loji-loji rawatan air (LRA) utama di Sg. Selangor iaitu LRA SSP2 pada jam 1.50 petang, SSP1 pada jam 2.10 petang, SSP3 pada jam 2.15 petang dan juga LRA Rantau Panjang pada jam 8 malam. LUAS telah mengaktifkan operasi pengepaman air kolam di Bestari Jaya (OPAK) sebagai sumber alternatif.

Siasatan dilakukan serta merta bermula sekitar jam 3 petang bermula dengan pensampelan daripada SSP1 sehingga ke hilir Sg. Batang Kali. 6 ton bau telah dikesan di Sg. Batang Kali. Laporan polis telah dibuat di balai polis Bestari Jaya berkenaan pencemaran yg berlaku. Dalam masa yang sama, pemantauan statik di Sungai Selangor akan dilaksanakan.

LRA SSP3 telah beroperasi semula pada jam 5 petang, manakala SSP1 dan SSP2 telah mula beroperasi pada jam 7 petang semalam. LRA Rantau Panjang telah beroperasi semula pada jam 12.10 pagi (20 Julai 2019).

Hasil siasatan, LUAS juga turut mengesan bau yang serupa di Sg. Liam. Rentetan itu, sebanyak 6 beg activated carbon (AC) telah diletakkan di aliran punca di kawasan Sungai Liam sebagai langkah kawalan. Pihak LUAS mendapati lapisan minyak hitam di Inlet masuk Loji Indah Water Konsortium SDN BHD (IWK) dan dikenalpasti bau seakan sama dengan bau di kawasan muka sauk loji. Inlet loji telah ditutup pada jam 9 pagi tadi. Disyaki terdapat kemasukan discaj tanpa kebenaran ke paip pembentungan awam yang berkemungkinan dari bengkel kenderaan di kawasan sekitar.

Pihak Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) akan menjalankan siasatan lanjut bagi mengenalpasti premis berkaitan. Pihak IWK akan menjalankan kerja-kerja penyedutan keluar lapisan minyak sebelum loji IWK beroperasi seperti biasa.



LEMBAGA URUS AIR SELANGOR

LUAS 100-2/1/1 ()

Pemantauan statik pihak LUAS dan Pengurusan Air Selangor akan dijalankan dalam memastikan tiada kesan bau di Sungai Liam. Sehingga kini, LUAS bersama pihak yang terlibat berkerjasama bagi menangani isu ini dengan kadar segera.

Disediakan oleh:

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR